

Sumber air mentah baharu untuk penduduk utara Melaka



HAMEED ketika menjawab soalan lisan pada **Persidangan Ketiga (Bajet) Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Yang Kelima Belas**. Foto: MR. AZLI

Liana Sahabudin

SERI NEGERI – Penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi dan kawasan sekitarnya bakal menikmati bekalan air mentah menerusi sumber baharu hasil daripada pembinaan Loji Air Jernih, Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih yang berkapasiti 90 juta liter sehari JLH.

Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, projek bernilai RM388 juta itu juga mampu menangani masalah tekanan air rendah di utara Melaka khususnya DUN Kuala Linggi yang terletak di hujung sempadan Melaka.

“Projek ini meliputi kerja-kerja pembinaan muka sawk, membina Tangki Air Imbangan Ramuan Cina Kecil, Tangki Simpanan Sekawang, penanaman paip air

mentah dan paip air terawat bagi sistem bekalan air loji sepanjang 26 kilometer.

“Jangkaan pembinaan loji dan sistem jajaran paip ini akan mula dilaksanakan pada pertengahan 2024.

“Dijangka projek ini akan mengatasi masalah bekalan air di Kuala Linggi, Masjid Tanah, Lubok Redan, Paya Mengkuang, Pengkalan Balak, Tanjung Bidara, Ayer Limau dan Solok Duku,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan tambahan Rosli Abdullah (BN-Kuala Linggi) mengenai perancangan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah bekalan air di DUN Kuala Linggi pada hari keempat Persidangan Ketiga (Bajet) DUN Melaka Yang Kelima Belas, di sini, pada Khamis.

Sementara itu, menjawab penyelesaian isu tekanan air rendah di Sungai Rambai seperti yang dibangkitkan Siti Faizah Abd Azis

(BN-Sungai Rambai), Hameed memaklumkan, projek pemasangan paip bersaiz 450 milimeter (mm) jenis besi keluli akan dilaksanakan.

Katanya, projek itu membabitkan kawasan Kolum Air Bukit Perah ke persimpangan Batu Gajah melalui Lebuhraya Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ) iaitu sepanjang empat kilometer membabitkan kos RM3 juta.

“Justeru, Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) akan melaksanakan projek pemasangan paip berkenaan. Projek ini telah ditenderkan pada 8 November dan ditutup 29 November 2023, tempoh untuk siap adalah 40 minggu selepas kontraktor dilantik.

“Ini merupakan ‘feeder’ kedua bagi menyalurkan air bersih ke sebahagian DUN Sungai Rambai iaitu Batu Gajah, Parit Penghulu, Parit Perawas dan sekitarnya,” kata beliau.